

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH [KALABAカン]**

**TARIKH : 6 APRIL 2015 (ISNIN)**

**SOALAN :** Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapa banyakakah syarikat yang menjalankan perusahaan membekal beras di negara ini terutama sekali di Sabah dan siapakah pemilik syarikat-syarikat berkenaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Sehingga Mac 2015, terdapat 3,452 buah syarikat pemborong berlesen yang menjalankan perusahaan membekal beras di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 367 syarikat yang menjalankan perusahaan beras di negeri Sabah. Semua pemilik lesen pemborong beras adalah warganegara Malaysia seperti mana yang disyaratkan untuk permohonan lesen tersebut.

Syarat-syarat lain bagi permohonan lesen pemborong beras adalah:

- i. Berumur 21 tahun dan ke atas;
- ii. Mempunyai modal semasa sekurang-kurangnya RM100,000 bagi Bumiputera atau RM150,000 bagi Bukan Bumiputera;
- iii. Mempunyai stor yang sesuai dan munasabah seperti terletak di aras bawah, bebas dari kawasan banjir atau akses keluar

- masuk premis tidak terganggu oleh aliran trafik, di mana akan dibuat penilaian oleh pegawai Kawalselia Padi dan Beras; dan
- iv. Tidak mempunyai lesen berkaitan beras yang lain yang wujud di alamat yang sama.

Senarai syarikat-syarikat pemberong bagi negeri Sabah adalah seperti yang dilampirkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB  
[ MACHANG ]**

**TARIKH : 6 APRIL 2015 (ISNIN)**

**SOALAN : 47**

**Y.B. Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [ Machang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berikut banjir besar yang melanda Kelantan baru-baru ini, landasan kereta api Tumpat Kelantan rosak begitu teruk, bilakah jangkaan masa ia akan diperbaiki sepenuhnya dan dapat kembali beroperasi seperti biasa.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Banjir besar yang melanda sektor Pantai Timur bagi laluan Kuala Lipis ke Tumpat pada bulan Disember 2014 telah mengakibatkan kerosakan teruk kepada infrastruktur keretapi dan stokereta menjadikan sektor ini tidak selamat untuk operasi keretapi.

Kerajaan telah menyediakan program pemulihan infrastruktur keretapi dan stokereta bagi sektor Kuala Lipis ke Tumpat yang terjejas akibat banjir untuk membolehkan perkhidmatan keretapi kembali beroperasi. Program pemulihan ini akan mengambil masa antara 12 bulan sehingga 24 bulan untuk siap. Keutamaan akan diberikan kepada sektor Kuala Krai ke Kemubu sepanjang 63.1km yang majoriti penduduknya bergantung kepada perkhidmatan keretapi sebagai pengangkutan utama. Program pemulihan ini telah diberi keutamaan dan akan disegerakan.